



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

WANITA BANGKIT@KPWKM TAWAR LEBIH 15 RIBU PELUANG PEKERJAAN DAN KEUSAHAWANAN

SEPANG, 27 OGOS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) hari ini menganjurkan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM yang menawarkan lebih 15 ribu peluang pekerjaan dan keusahawanan daripada lebih 30 syarikat.

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM dianjurkan untuk memberi fokus kepada aktiviti penjana pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan. Selain itu, usaha ini diharap dapat memperkasa wanita melalui penganjuran aktiviti-aktiviti pembangunan kapasiti yang berteraskan domain 4K (Kesaksamaan dan Kepimpinan, Kewangan, Keseimbangan dan Kemahiran) bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan wanita.

Dalam ucapan perasmian, YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat berkata, “ Usaha ini adalah merupakan inisiatif berterusan Kementerian di mana Wanita Bangkit@KPWKM telah berjaya memanfaatkan sejumlah hampir 47,000 orang iaitu dengan menghubungkan dan memberi peluang pekerjaan kepada 11,055 wanita dalam kedua-dua sektor formal dan informal dan menyediakan 35,371 wanita dengan pengetahuan berterusan khususnya dalam pengurusan kewangan

sejak program ini dimulakan iaitu dari September 2021 sehingga Julai 2022, Jumlah itu dilihat amat memberangsangkan terutamanya selepas peralihan negara daripada fasa pandemik ke endemik. Inisiatif ini adalah sejajar dengan tumpuan KPWKM untuk memperkasakan semula ekonomi kumpulan sasar dan meningkatkan taraf hidup mereka khususnya golongan usahawan wanita. Karnival ini juga akan diteruskan lagi di Negeri Sabah pada September 2022 dan Zon Pantai Timur pada Oktober 2022 di Negeri Terengganu.

Merujuk Kajian Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia berada pada skor 6.48. Kajian itu mengambil kira aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual yang mana daripada sudut fizikal elemen yang dirujuk adalah dari sudut kestabilan ekonomi. Komponen pendapatan menyumbang kepada skor yang rendah.

“Kegagalan menguruskan ekonomi menjadi salah satu faktor kegagalan dan keruntuhan institusi rumah tangga. Ia juga menyumbang kepada pelbagai masalah seperti pengabaian tanggungjawab berkaitan nafkah, pendidikan anak-anak, hutang yang tinggi dan sebagainya. Saya melihat isu ekonomi keluarga sebagai satu perkara yang perlu diselesaikan, atau sekurang-kurangnya ditambah baik” ujar beliau lagi.

Justeru, pelaksanaan program Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Wanita Bangkit @KPWKM ini adalah bertepatan kerana ia memberi peluang wanita yang juga merupakan tonggak keluarga berdikari dari segi pendapatan dan turut menyumbang kepada ekonomi keluarga.

Antara aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan buat pengunjung karnival pada kali ini adalah sesi temuduga secara terbuka (*walk-in interview*), sesi perkongsian daripada usahawan melalui slot pentas seperti *Perintis Talk Show* bersama Datin Adzliana (Nona Superwoman), Datuk Rosyam Nor, pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) secara percuma dan berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak MARA mengenai pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh pihak mereka seperti bantuan-bantuan kepada usahawan dan geran-geran yang boleh dimohon untuk mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan. Turut disediakan pelbagai kaunter perkhidmatan oleh agensi-agensi Kerajaan untuk manfaat pengunjung.

Hadir sama adalah Datuk Dr. Maziah Che Yusoff Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Haji Suhaimi Mohd Ghazali Pengerusi LPPKN dan Dr. Zurina Abdul Hamid, Ketua Pengarah JPW.

####

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat JPW

H/P: 012-6586309